



HOSPITAL KANOWIT
DEPARTMENTAL OPERATIONAL POLICIES
ENGINEERING UNIT

PREPARED BY:

(Mohd Amar bin Ismail)

Head of Engineering Unit

Kanowit Hospital

Date : 07 November 2023

APPROVED BY:

Dr. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT
PENGARAH HOSPITAL,
HOSPITAL KANOWIT,
KAWIT NO. 61500

(DR BERNADETTE SYONNIA BINTI JARU SAWAT)

Hospital Director

Kanowit Hospital

Date: 07 November 2023

KANOWIT HOSPITAL
DEPARTMENTAL OPERATIONAL POLICIES

UNIT KEJURUTERAAN

1.0 PENGENALAN

Unit Kejuruteraan Operasi Hospital Kanowit terdiri daripada kakitangan teknikal berkaitan kejuruteraan seperti Penolong Jurutera Awam. Bilik unit Kejuruteraan berada di Unit Pentadbiran dengan nombor lokasi 01GF012.

Seterusnya, perjawatan dalam bidang kejuruteraan seperti Awam, Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik di dalam hospital adalah amat perlu dalam memberi khidmat nasihat teknikal yang spesifik mengikut skop bidang masing-masing. Pewujudan jawatan ini penting bagi memenuhi skop kategori Perkhidmatan Sokongan Hospital yang diberi iaitu Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti(FMS), Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti(FEMS), Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal(BEMS), Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal(HWMS), Perkhidmatan Pengurusan Pendobian dan Linen(LLS) serta Perkhidmatan Pembersihan(CLS).

Selain itu, khidmat nasihat dalam projek-projek Pembangunan juga turut diberikan bagi memastikan setiap aspek teknikal adalah berpandukan kepada pematuhan terhadap arahan kerja serta prosedur yang betul.

Seterusnya, pendaftaran untuk setiap asset juga dilaksanakan agar semua aset dikenalpasti kemudian dapat diselenggara dan dilakukan pelupusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan aset sentiasa dalam keadaan yang dijaga dengan baik.

2.0 VISI

Unit Kejuruteraan akan menjadi sebuah unit yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan pelbagai bidang yang menjurus kepada menjadikan institusi perubatan sebuah institusi yang cekap dan efisien dalam persekitaran yang kondusif dan selamat serta moden.

3.0 MISI

Sentiasa berusaha untuk memastikan Penswastan Khidmat Sokongan Hospital(PSH) yang diberi oleh Syarikat Konsesi memberi manfaat yang sepenuhnya kepada institusi kesihatan khususnya dan dapat membantu menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi kepada pelanggan secara amnya.

KANOWIT HOSPITAL
DEPARTMENTAL OPERATIONAL POLICIES


UNIT KEJURUTERAAN

4.0 OBJEKTIF

- Memantau pelaksanaan Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti(FMS), Penswastaaan Perkhidmatan Sokongan Hospital(PSH) bagi Perkhidmatan Pendobian(LLS), Pembersihan(CLS), Pengurusan Sisa-Sisa Klinikal(HWMS), Kejuruteraan Fasiliti(FEMS), dan Kejuruteraan Biomedikal(BEMS) agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak dalam Perjanjian Konsesi.
- Untuk melindungi kepentingan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengguna-pengguna hospital dengan memastikan keperluan di dalam Perjanjian Konsesi dipenuhi.
- Memastikan Khidmat Sokongan Hospital yang diberikan adalah cekap dan selamat.

5.0 CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI UNIT KEJURUTERAAN



KANOWIT HOSPITAL
DEPARTMENTAL OPERATIONAL POLICIES

UNIT KEJURUTERAAN

6.0 POLISI

Adalah menjadi matlamat Polisi Unit Kejuruteraan Hospital Kanowit untuk bekerjasama erat dengan Syarikat Konsesi dalam merangka dan memantau pengoperasian Hospital beserta asset-asetnya berada pada tahap yang optimum dalam memberi khidmat yang baik dan berkesan kepada masyarakat amnya dan pesakit umumnya di samping menjadikan institusi perubatan sebuah institusi yang cekap dan efisien dalam persekitaran yang kondusif dan selamat serta moden.

Unit Kejuruteraan akan memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Konsesi atau projek Kejuruteraan yang dijalankan adalah berkualiti melalui berikut:-

7.0 SKOP PERKHIDMATAN

7.1 Syarikat Konsesi

- Memantau dan menyelaras perkhidmatan fasiliti hospital, kondisi peralatan perubatan dan bukan perubatan, kebersihan, linen dan pelupusan sisa perubatan diurus dengan berkesan.
- Memantau semua aduan yang dibuat oleh pengguna diambil tindakan mengikut tempoh waktu tertentu.
- Memastikan peruntukan yang dibelanjakan Kerajaan kepada Syarikat Konsesi adalah optimum dan berhemah.
- Memantau dan menyelaras pematuhan Keperluan Berkanun (*Statutory Requirement*) dengan memeriksa rekod dan persijilan kakitangan/peralatan/loji yang memerlukan perundangan badan berkanun
- Memantau dan menyelaraskan isu-isu teknikal Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dengan pihak hospital dalam Mesyuarat Operasi Perkhidmatan Sokongan Hospital.
- Memantau dan menyelaraskan *Sustainability Program* yang dilaksanakan oleh Syarikat Konsesi iaitu *Energy Management, Indoor Air Quality* dan 3R Programme (*Reduce, Reuse & Recycle*)
- Memantau, memeriksa dan menyelaraskan asset yang dicadangkan *Beyond Economic Repair* (BER) untuk memastikan asset yang disyorkan BER dan tidak selamat digunakan boleh dilupuskan dan digantikan.
- Menganalisa, memantau dan menyusulkan *Reimbursable Work* (RW) oleh Syarikat Konsesi untuk menyelaraskan penambahbaikan kemudahan hospital yang di luar skop penyelenggaraan Syarikat Konsesi melalui Mesyuarat Jawatankuasa RW Hospital.
- Mengesahkan HSIP- *Hospital Specific Implementation Plan* untuk memastikan HSIP berpandukan *Technical Requirement and Key*

Performance Indicator(TRKPI) dan *Master Agreed Procedure*(MAP) perjanjian konsesi dan keperluan pengguna.

7.2 Projek Kejuruteraan

- Memantau dan memastikan projek-projek adalah memenuhi keperluan dan kepentingan pihak Kementerian, Jabatan, dan pengguna Hospital.
- Memantau penyempurnaan projek adalah bersesuaian dengan akta, peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling, dan spesifikasi yang ditetapkan.
- Memantau dan menyelaras pendaftaran Aset Tak Alih Hospital berpandukan Garis Panduan Penentuan Aset Tak Alih dan Panduan Daftar Aset Khusus Jabatan Kerja Raya.